

05/03/2005

Shahnon tidak wajar diberi ruang dalam makalah DBP

Oleh PENULIS MUDA

SAYA agak kecewa dengan penyiaran makalah dalam Dewan Sastera, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), keluaran Februari 2005 yang memberi ruang besar kepada bekas Yang Berhormat dan penulis kontroversi, Datuk Shahnon Ahmad.

Jika diimbau kembali buku tulisannya yang paling 'menjijikkan' dan tidak boleh diterima oleh orang waras iaitu Shit, terutama menghina pemimpin negara termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pasti orang seumpama ini tidak sewajarnya mendapat tempat dalam mana-mana makalah, khususnya yang berbentuk ilmiah.

Pada pandangan saya, walaupun berstatus Sasterawan Negara, sejarah sudah terpalit terutama dalam buku Shit yang membuatkan masyarakat tiada keyakinan dan hilang kredibiliti terhadap tulisannya.

Yang memeranjatkan lagi, kisah Shahnon yang menghentam dan menuduh kerajaan zalim mendapat tempat di makalah yang ditunjangi parti memerintah.

Mungkin sidang editor majalah berkenaan terlepas pandang akan kesannya terhadap 'orang Umno' yang pastinya tersinggung dengan membenarkan Shahnon mendapat ruang dan dipuji serta diangkat begitu mulia sekali sifatnya.

Seperkara lagi, perlu diingatkan, penubuhan DBP adalah atas perjuangan orang Umno yang cintakan bangsa dan bahasa, di samping mahu mengangkat martabat sastera di negara ini.

Sehubungan itu, fikir-fikirkanlah kembali apakah sesuai atau tidak gelaran Sasterawan Negara dikekalkan buat penulis berkenaan.

PENULIS MUDA,
Kuala Lumpur.

(END) Source : Berita Harian